

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

YUP 405/4 - Perhubungan Awam

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Di akhir tahun lapan puluhan platform berlepas/menunggu di Jeti Sultan Abdul Halim Seberang Perai telah runtuh dan mengakibatkan kemalangan jiwa kepada penumpang-penumpang yang hendak menghadiri satu perayaan di Pulau Pinang. Peristiwa ini telah menjadikan satu krisis kepada pihak yang terlibat (Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang).

Di antara objektif-objektif utama kegiatan perhubungan awam adalah bertujuan untuk mengatasi sesuatu krisis organisasi yang seringkali timbul dalam berbagai bentuk. Sebagai pengamal perhubungan awam, bincangkan prosedur tindakan segera apabila berlakunya kejadian tersebut'. Kemukakan satu cadangan program komunikasi yang akan dibentangkan kepada pihak pengurusan untuk menandingi krisis di atas. Perbincangan anda khususnya tertakluk kepada aspek-aspek seperti:

- (a) Sasaran publik dalam krisis di atas
- (b) Permasalahan-permasalahan yang timbul, serta
- (c) Panduan proses komunikasi dalam menandingi krisis ini.

(25 markah)

2. Dalam kursus ini anda telah didedahkan berbagai teori berkaitan dengan bidang perhubungan awam (PR). Berikan LIMA sebab utama mengapa kegiatan PR ini penting untuk perkembangan dan kestabilan sesebuah organisasi.

(25 markah)

...2/-

3. Pendekatan 'Integrated Marketing Communication' atau IMC adalah di antara alternatif yang menarik yang seringkali digunakan untuk mengatasi permasalahan perhubungan awam.
- (a) Nyatakan apakah yang anda faham dengan konsep ini.
 - (b) Huraikan bagaimanakah konsep ini diserapkan dalam kegiatan PR.
- (25 markah)
4. Cutlip dan rakan-rakan (1985) mengutarakan empat peringkat proses perhubungan awam.
- (i) Huraikan empat proses ini.
 - (ii) Di peringkat proses yang ketiga iaitu proses implementasi, konsep '7 C's of communication' adalah sebagai satu pendekatan yang praktikal yang dapat digunakan oleh pengamal PR. Bincangkan ketujuh-tujuh konsep ini?
- (25 markah)
5. "Menjamin perhubungan media yang baik adalah asas dalam kejayaan amalan PR. Ia begitu penting hingga ramai yang menyamaertikan hubungan media dengan PR. Tanggapan ini sama sekali tidak benar kerana hubungan media hanyalah sebahagian kecil daripada kegiatan amalan PR yang begitu luas." (Hamdan, 1993). Dengan menggunakan contoh, huraikan bagaimanakah sebenarnya hubungan media sebagai 'alat' PR manakala PR pula ialah 'alat' pengurusan?

(25 markah)

-oooOoo-